



NOTIS PELAWAAN PERMINTAAN SEBUT HARGA

Tajuk : Penyedia Perkhidmatan Teknikal Portal *Book Capital* Perbadanan Kota Buku 2026 - 2027

Tarikh Pengeluaran Pelawaan : 27 Oktober 2025

Tarikh Akhir Pelawaan : **13 November 2025, (Khamis), 3 petang**

PENAFIAN

*Dokumen ini disediakan untuk tujuan rujukan bagi pelantikan **penyedia perkhidmatan teknikal portal Book Capital Perbadanan Kota Buku (PKB) 2026 - 2027**. Maklumat yang diperoleh selepas ini hanya digunakan untuk tujuan yang dinyatakan di atas tanpa mendedahkannya kepada mana-mana pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis PKB terlebih dahulu. Perkara di atas tidak boleh digunakan untuk sebarang maklumat yang tersedia secara umum apabila diberikan atau yang kemudiannya menjadi umum. Selanjutnya, walaupun PKB telah mengambil inisiatif untuk memastikan semua maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah betul, PKB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada dokumen ini. Semua maklumat adalah terkini semasa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.*

1. LATAR BELAKANG

PKB sebagai agensi milik penuh Kementerian Pendidikan Malaysia, merupakan institusi utama dalam memacu pembangunan industri perbukuan negara, mempromosikan budaya membaca, serta memanfaatkan teknologi digital bagi memperluaskan akses pembacaan rakyat Malaysia. Selari dengan aspirasi strategik PKB 2023-2027, Portal *Book Capital* (mall.bookcapital.com.my) merupakan salah satu platform digital utama yang memainkan peranan penting dalam usaha PKB untuk mendemokrasikan akses kepada bahan bacaan dan memperkasa industri perbukuan tempatan. Portal *Book Capital* dibangunkan menggunakan **Laravel framework**, dan sebarang peningkatan atau penyelenggaraan mestilah dilakukan oleh pakar yang mempunyai kemahiran teknikal yang mendalam dalam teknologi ini.

2. OBJEKTIF PELANTIKAN

- 2.1. Keperluan melantik syarikat yang berkebolehan untuk mengurus dan membangunkan fitur-fitur penting di portal *Book Capital* bagi tempoh dua (2) tahun.
- 2.2. Memperkukuh penjenamaan PKB sebagai peneraju inisiatif digital di kalangan industri perbukuan serantau.

- 2.3. Mengoptimumkan khidmat digital yang ditawarkan PKB kepada industri perbukuan serantau.
- 2.4. Memastikan semua strategi selari dengan Dasar Buku Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Pendidikan Digital Negara dan aspirasi Malaysia MADANI.

3. SKOP PERKHIDMATAN

Skop perkhidmatan ini merangkumi rangka kerja menyeluruh bagi pengurusan, pembangunan dan pelaksanaan peningkatan keselamatan akan portal *Book Capital* Perbadanan Kota Buku (PKB) bagi tahun 2026–2027.

- 3.1. Skop ini melibatkan beberapa komponen utama seperti berikut:
 - 3.1.1. Penyelenggaraan berterusan untuk memastikan kelancaran operasi portal *Book Capital*.
 - 3.1.2. Penambahbaikan teknikal dan *enhancement* portal dari segi fungsi dan *user experience* (UX).
 - 3.1.3. Penyelesaian isu *bugs* dan pelaksanaan peningkatan tetapan dan konfigurasi berdasarkan keperluan PKB
 - 3.1.4. Pengintegrasian modul-modul baru yang bersesuaian dengan projek-projek yang sedang berjalan dan berdasarkan perancangan PKB.
 - 3.1.5. Pelaksanaan dan ujian keselamatan (*security assessment*) secara berkala bagi memastikan portal bebas daripada ancaman siber.
 - 3.1.6. DevOp untuk mengawasi portal dan *Cloud Infrastructure*.

3.2. Komponen Skop Utama

- 3.2.1. **Keperluan Teknikal:** Syarikat yang membida mestilah memenuhi keperluan teknikal berikut berdasarkan spesifikasi umum sistem portal *Book Capital* seperti di **Lampiran A**.
- 3.2.2. **Laravel Framework:** Pembida wajib mempunyai pengalaman mendalam dalam pembangunan portal berasaskan *Laravel framework*, termasuk integrasi modul dan penyesuaian fungsi.
- 3.2.3. **Pengurusan Pangkalan Data SQL:** Kepakaran dalam pengurusan pangkalan data SQL (*MySQL*, *PostgreSQL*, atau seumpamanya), termasuk reka bentuk, pengoptimuman, dan penyelenggaraan pangkalan data yang berskala besar.

- 3.2.4. **Pengaturcaraan PHP dan Python:** Kemahiran dalam PHP untuk integrasi dan automasi yang berkaitan dengan proses backend atau API. Kemahiran dalam Python untuk berkaitan eksport Excel report, menjana invois (generate invoice), validasi dalam muat naik produk (secara pukal dan lain-lain).
- 3.2.5. **Membina dan Menyelenggara servis API dalam JSON:** Kemahiran dalam membina servis API dengan menggunakan JSON scripting language dalam menghantar (*transmitting*) atau perantara data antara *server/database* ke sistem website dan juga ke aplikasi mudah alih.
- 3.2.6. **Pengurusan dan Penyelenggaraan Aplikasi Mobil:** Kemahiran dalam mengurus aplikasi berkaitan dengan sistem *Book Capital* yang menyokong 2 platform telefon pintar iaitu Android dan iOS.
- 3.2.7. **Platform Data Analitik:** Pengurusan dan penyelenggaraan platform analitik PKB iaitu *Apache Superset* dan juga integrasi ke *PowerBI*.
- 3.2.8. **Keselamatan Siber (Cybersecurity):** Pengalaman yang mendalam mengenai protokol keselamatan web. Mempunyai kemampuan untuk menjalankan security assessment berkala terhadap portal bagi mengenal pasti potensi ancaman dan kelemahan. Pengalaman dalam melaksanakan langkah pencegahan terhadap ancaman siber, seperti pelaksanaan firewall, enkripsi data, dan audit keselamatan.

3.3. **Perincian Pembangunan baru dan Penambahbaikan Sistem**
(Maklumat lanjut perincian boleh dirujuk di **Lampiran B**)

3.3.1. **Kategori A: BOOK CAPITAL** (*Core Platform & School Ecosystem*)

Bil	Fitur / Pembangunan
1	Ruang Ulasan Buku (<i>Book Review Space</i>)
2	<i>Seller Notification Memo</i>
3	<i>Seller Withdrawal</i>
4	<i>Finance Automation (SOA & Invoice System)</i>
5	Dashboard Pembeli VIP
6	Pembelian Sekolah

7	<i>School Account Linking (KPM Integration)</i>
8	<i>Bulk Voucher Upload System</i>
9	<i>Buyer Feedback & Rating System</i>
10	<i>Vendor Performance Scoring</i>
11	<i>Vendor Onboarding System</i>
12	<i>Data Analytics Dashboard</i>
13	<i>Notification Center (Unified Alert System)</i>
14	<i>Audit Log & Access Tracking</i>
15	<i>User Access Role Management</i>

3.3.2. **Kategori B: KOTA DAGANG** (*Marketplace & Commerce System*).

Bil	Fitur / Pembangunan
1	<i>Integrated Payment Gateway</i>
2	<i>Kota Dagang Price Comparison</i>
3	<i>Seller Performance Scoring</i>
4	<i>Media Library Management</i>
5	<i>Content Translation Engine</i>
6	<i>CMS Revamp (Content Management System)</i>
7	<i>Publisher Profile Page</i>

3.3.3. **Kategori C: ARF** (*ASIAN Rights Forum & International Platform*)

Bil	Fitur / Pembangunan
1	<i>RF Registration Form</i>
2	<i>Rights Exchange Platform</i>
3	<i>Digital LOI (Letter of Intent)</i>
4	<i>Business Matching Integration (ARF)</i>
5	<i>International Catalogue (Katalog Pengantarabangsaan)</i>
6	<i>Event Calendar (Kota Acara)</i>
7	<i>ARF Mobile Application</i>
8	<i>E-Certificate Generator (ARF & Kota Buku)</i>

3.3.4. **Kategori D: Cross-System / Infrastructure**

Bil	Fitur / Pembangunan
1	<i>Ticketing System (Support Desk)</i>
2	<i>Notification Center (Unified Alert System)</i>
3	<i>Audit Log & Access Tracking</i>
4	<i>User Access Role Management</i>
5	<i>Content Translation Engine</i>
6	<i>Media Library Management</i>

3.3.5. **Kategori E: Print on Demand (POD)**

Bil	Fitur / Pembangunan
1	Penambahbaikan Produk & UX
2	<i>Integration & Ordering</i>
3	<i>Printing Vendor Management</i>
4	<i>Production & Tracking</i>
5	<i>Payment</i>
6	<i>File & Print Specifications</i>
7	<i>Notification & Communication</i>

3.4. **Pelan Operasi & Pemantauan Prestasi**

- 3.4.1. Penyediaan pelan hala tuju pelaksanaan berdasarkan fasa-fasa kerja.
- 3.4.2. Penetapan indikator prestasi utama (KPI) dan indikator risiko utama (KRI).
- 3.4.3. Laporan pemantauan berkala prestasi secara bulanan.

4. TEMPOH PELAKSANAAN

- 4.1. Tempoh pelaksanaan bagi perkhidmatan ini adalah selama **24 bulan (Jangkaan bermula 1 Januari 2026 - 31 Disember 2027)**, yang akan bermula secara rasmi dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada pembekal yang dilantik.
- 4.2. Dalam tempoh ini, penyedia perkhidmatan bertanggungjawab untuk melaksanakan semua skop kerja yang telah ditetapkan, termasuk fasa perancangan, pelaksanaan, pemantauan, pelaporan berkala dan penyerahan laporan akhir. Sebarang lanjutan masa, jika diperlukan, hendaklah dimohon secara rasmi dan tertakluk kepada kelulusan PKB.

5. ANGGARAN PERUNTUKAN

- 5.1. Jumlah anggaran peruntukan yang diperuntukkan bagi pelaksanaan keseluruhan perkhidmatan ini adalah sebanyak **RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Juta Sahaja)**.
- 5.2. Peruntukan ini merangkumi semua kos berkaitan termasuk penyediaan maklumat penting, perancangan pembangunan, pembangunan, *user acceptance test* (UAT), pemantauan prestasi, penyelenggaraan selepas fitur selesai dibangunkan, serta penyediaan laporan sepanjang tempoh 24 bulan perkhidmatan. Segala kos hendaklah dinyatakan secara terperinci dalam sebutharga teknikal dan kewangan oleh pihak pembekal untuk pertimbangan lanjut pihak PKB.

6. KELAYAKAN MINIMUM

- 6.1. Penyedia perkhidmatan yang berminat untuk mengemukakan sebutharga bagi projek ini hendaklah memenuhi syarat kelayakan minimum berikut bagi melayakkan diri ke peringkat penilaian teknikal:

6.1.1. Pendaftaran Syarikat

- 6.1.1.1. Berdaftar secara sah dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**.
- 6.1.1.2. Berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dan memiliki gabungan kod bidang yang berkaitan seperti berikut:

210103	ICT (INFORMATION COMMUNICATION TECHNOLOGY)	<i>Software – Supply all computer software, operating system, database, off-theshelf packages including maintenance</i>
210104	ICT (INFORMATION COMMUNICATION TECHNOLOGY)	<i>Software/System Development/Customization and Maintenance including data</i>
210107	ICT (INFORMATION COMMUNICATION TECHNOLOGY)	<i>ICT security and firewall, Encryption, PKI, Anti Virus</i>

6.1.1.3. Kod bidang yang dikemukakan mestilah sah dan aktif pada tarikh tutup penyerahan sebutharga.

6.1.2. Pengalaman Industri

Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidang pembangunan sistem, platform dan portal jualan dalam talian (*e-commerce*).

6.1.3. Rekod Projek Sektor Awam

Pernah terlibat dalam projek yang berkaitan dengan agensi kerajaan, sektor awam atau organisasi nasional, khususnya dalam skop komunikasi strategik atau kempen nasional.

6.1.4. Kepakaran Pasukan

6.1.4.1. Menyediakan pasukan profesional yang merangkumi kepakaran dalam bidang berikut:

- i. Pengurus Projek
- ii. Ketua Pembangun (*Lead Developer/Engineer*)
- iii. Pengurusan Rangkaian (*Infrastructure and Server*)
- iv. Pembangun (*Fullstack Developer*)

6.1.4.2. Bagi membuktikan kepakaran pasukan, pembida dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan berikut bagi setiap ahli pasukan utama:

- i. **Profil ringkas** termasuk latar belakang akademik dan pengalaman kerja yang relevan;
- ii. **Senarai projek terdahulu** yang pernah dikendalikan (terutamanya dalam sektor awam atau nasional);
- iii. **Salinan sijil kelayakan profesional / pensijilan kemahiran** (jika ada);
- iv. **Peranan yang dicadangkan dalam projek ini** dan tanggungjawab spesifik mengikut bidang kepakaran.

6.1.5. Kemahiran Bahasa

Berupaya beroperasi secara dwibahasa dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, termasuk dalam penghasilan dokumentasi, komunikasi lisan dan penulisan kandungan.

7. SESI TAKLIMAT

- 7.1. Pembida dipelawa menghadiri sesi taklimat yang akan diadakan seperti butiran berikut:

Tarikh : 30 Oktober 2025 (Khamis)
Masa : 10.00 Pagi - 11.00 Pagi
**Tempat : Ruang Mesyuarat Utama,
Perbadanan Kota Buku**

Sila imbas kod QR berikut untuk tujuan pengesahan kehadiran.
Hanya dua (2) wakil sahaja dibenarkan bagi setiap syarikat.



- 7.2. Sesi ini bertujuan untuk:

- 7.2.1. Memberikan penjelasan lanjut mengenai skop perkhidmatan yang diperlukan;
- 7.2.2. Menjawab sebarang pertanyaan teknikal berkaitan dokumen RFQ; dan
- 7.2.3. Menyediakan ruang interaksi awal antara PKB dan pihak pembida.

8. DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN

- 8.1. Penyedia perkhidmatan yang berminat dikehendaki menyediakan dan mengemukakan sebut harga mengikut format yang ditetapkan di bawah. Penyusunan dokumen secara sistematik akan memudahkan proses penilaian dan menunjukkan tahap profesionalisme penyedia.
- 8.2. Dokumen yang dikemukakan hendaklah disusun mengikut urutan berikut:

8.2.1. Profil Syarikat & Dokumen Pendaftaran

- 8.2.1.1. Latar belakang syarikat, bidang kepakaran, struktur organisasi.

- 8.2.1.2. Salinan lesen sah dan bukti pendaftaran dengan SSM.
- 8.2.1.3. Salinan sijil MOF dan bukti kod bidang yang dimiliki.

8.2.2. Portfolio Projek Berkaitan

- 8.2.2.1. Senarai projek terdahulu dalam bidang pembangunan dan penyelenggaraan sistem.

8.2.3. Profil Pasukan Projek

- 8.2.3.1. Butiran pasukan utama termasuk pengalaman dan peranan masing-masing.
- 8.2.3.2. Merangkumi pengurus projek dan senarai ketua pembangun serta pasukan pembangun.

8.2.4. Pecahan Kos Perkhidmatan

- 8.2.4.1. Pembida dikehendaki mengemukakan perincian lengkap kos keseluruhan projek tidak termasuk SST yang merangkumi:
 - 1. Yuran profesional;
 - 2. Kos pembangunan;
 - 3. Kos Penyelenggaraan; dan
 - 4. Kos tambahan lain yang berkaitan (jika ada).
- 8.2.4.2. Pembida juga **perlu mencadangkan struktur pembayaran** secara berperingkat berdasarkan fasa pelaksanaan projek atau pencapaian hasil kerja.
- 8.2.4.3. Semua kos yang dikemukakan adalah **tidak termasuk pembayaran server** (iaitu khidmat *Alibaba Cloud*).
- 8.2.4.4. Sebarang kos tambahan lain **tidak akan dipertimbangkan secara berasingan** selepas kontrak dimeterai. Oleh itu, pembida perlu memastikan kos tersebut telah disepadukan dalam cadangan kewangan yang dikemukakan.

8.2.5. Kaedah Pelaksanaan, Fasa & Garis Masa

- 8.2.5.1. Pelan pelaksanaan yang jelas mengikut fasa, dengan garis masa dan penanda pencapaian utama.

8.2.6. Risiko & Pelan Pengurusan Risiko

- 8.2.6.1. Analisis potensi risiko sepanjang projek dan strategi mitigasi.
- 8.2.6.2. Jaminan pasca projek

8.2.7. Pelan Pemantauan Prestasi

- 8.2.7.1. Cadangan penetapan KPI/KRI dan sistem pemantauan prestasi secara berkala (bulanan).

8.2.8. Lampiran Tambahan (Wajib dikemukakan)

- 8.2.8.1. Penyata bank tiga (3) bulan terkini.
- 8.2.8.2. Laporan audit bagi dua (2) tahun terkini.
- 8.2.8.3. Surat akuan pematuhan. (Rujuk Lampiran C)
- 8.2.8.4. Cadangan nilai tambah atau aktiviti pasca projek (jika ada).
- 8.2.8.5. Dokumen sokongan lain yang relevan.

Nota Penting: *Penyertaan yang tidak lengkap atau tidak mengikut format yang ditetapkan boleh ditolak daripada pertimbangan.*

8.3. Kebolehsuaian Cadangan Kos Terhadap Perubahan Skop Kerja

- 8.3.1. Pembida diminta untuk menyatakan tahap fleksibiliti cadangan kos sekiranya berlaku perubahan skop kerja yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak semasa pelaksanaan projek. Cadangan kos hendaklah:
 - 8.3.1.1. Menyatakan mekanisme atau prinsip asas yang akan digunakan untuk menyesuaikan kos tambahan atau pengurangan.
 - 8.3.1.2. Menyenaraikan sebarang parameter harga unit atau kadar harian (jika berkenaan) untuk perkhidmatan utama, sebagai asas pengiraan kos tambahan.
 - 8.3.1.3. Menjelaskan had atau ruang skop perubahan yang masih boleh dikendalikan tanpa menjejaskan perjanjian asal.

Nota Penting: *Pihak PKB berhak untuk mengkaji semula dan merundingkan semula kos yang dikemukakan sekiranya berlaku pelarasan skop kerja selepas pelantikan penyedia perkhidmatan.*

9. HASIL KERJA

9.1. Pihak penyedia perkhidmatan bertanggungjawab untuk menghasilkan dan menyerahkan dokumen serta laporan berikut sepanjang tempoh pelaksanaan projek. Setiap hasil kerja ini mesti disediakan mengikut garis masa yang ditetapkan dan memenuhi kualiti yang dipersetujui oleh PKB:

9.1.1. **Pengesahan Spesifikasi berdasarkan kontrak**

Laporan ini merangkumi analisis terhadap perincian maklumat teknikal portal serta maklumat lengkap berkaitan fitur pembangunan yang dikemukakan oleh semua pemegang taruh portal *Book Capital*, termasuk kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan berdasarkan dapatan awal kajian (**rujuk 3.1, 3.2, dan 3.3**).

9.1.2. **Laporan Pemantauan Berkala**

Laporan berkala (bulanan) hendaklah merangkumi status pelaksanaan program, pencapaian Indeks Prestasi Utama (KPI), prestasi kempen komunikasi dan pemasaran, serta penilaian impak jangka pendek. (**rujuk 3.4**).

9.1.3. **Laporan Akhir**

Dokumen lengkap yang merangkumi keseluruhan pelaksanaan projek, dapatan utama, analisis keberkesanan, cadangan masa hadapan serta dokumentasi penutup (**rujuk 3.1 sehingga 3.4**).

9.2. Hasil kerja yang dinyatakan di 9.1 bukanlah terhad kepada penyediaan laporan atau dokumen sahaja. Pembida yang dilantik juga bertanggungjawab sepenuhnya untuk merancang, melaksana dan memantau semua garis masa pelaksanaan yang dikemukakan. Semua pembangunan dan penambahbaikan ini mesti dilaksanakan dengan aktif dan selari dengan objektif strategik PKB dan akan menjadi asas utama dalam penilaian prestasi projek.

10. BON PELAKSANAAN

10.1. Penyedia khidmat yang berjaya hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada nilai keseluruhan kontrak dalam bentuk Jaminan Bank atau Draf Bank atas nama Perbadanan Kota Buku (PKB).

10.2. Bon ini hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh Surat Tawaran / Surat Setuju Terima (SST) dan hendaklah sah sehingga tamat tempoh kontrak, termasuk sebarang lanjutan masa yang diluluskan oleh PKB.

10.3. Bentuk Bon Pelaksanaan:

Bon Pelaksanaan hendaklah dalam bentuk:

10.3.1. Jaminan Bank atau jaminan syarikat kewangan yang tidak boleh dibatalkan daripada sebuah institusi kewangan berlesen dan berdaftar di Malaysia; atau

10.3.2. Jaminan Insurans/Takaful daripada mana-mana syarikat insurans/takaful yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan di Malaysia;

yang dalam kedua-dua hal hendaklah dikeluarkan oleh institusi yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan.

10.4. Tempoh Sah Laku Bon Pelaksanaan

10.4.1. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah berkuat kuasa dari Tarikh Kuat Kuasa Perjanjian ini sehingga dua belas (12) bulan selepas Tarikh Tamat Perjanjian, atau sehingga semua obligasi terakhir Pihak Kedua di bawah Perjanjian ini disempurnakan sepenuhnya, mengikut mana yang lebih lewat.

10.4.2. Pihak Kedua hendaklah melanjutkan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan sekiranya diminta secara bertulis oleh Pihak Pertama.

11. CADANGAN STRUKTUR PEMBAYARAN

11.1. Pembayaran kepada pihak penyedia perkhidmatan akan dibuat secara berperingkat berdasarkan kemajuan kerja dan penerimaan hasil kerja yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal Projek, mengikut jadual pembayaran yang telah ditetapkan, seperti berikut:

BIL.	FASA PEMBAYARAN	PERATUSAN (%)	KRITERIA PEMBAYARAN	GARIS MASA PENYERAHAN DOKUMEN
1	Pembayaran Pertama	20%	Setelah penyerahan: 1. Kontrak perjanjian yang telah ditandatangani kedua-belah pihak 2. Bon Pelaksanaan diterima oleh urusetia perolehan	31 Januari 2026
2	Pembayaran Kedua	30%	Setelah penyerahan: 1. Pengesahan Spesifikasi berdasarkan kontrak (rujuk 9.1.1)	Mac - April 2026
3	Pembayaran Ketiga	15%	Pembayaran akan dibuat setelah pembida melengkapkan sekurang-kurangnya 50% daripada pembangunan yang telah digariskan oleh pembida dalam Pengesahan Spesifikasi berdasarkan kontrak , dan dokumen pembangunan tersebut perlu diserahkan pada atau sebelum bayaran ketiga dilaksanakan.	Julai - Ogos 2026
4	Pembayaran Keempat	15%	Pembayaran akan dibuat setelah pembida melengkapkan sekurang-kurangnya 75% daripada pembangunan yang telah digariskan oleh pembida dalam Pengesahan Spesifikasi berdasarkan kontrak , dan dokumen pembangunan tersebut perlu diserahkan pada atau sebelum bayaran keempat dilaksanakan.	Oktober - Disember 2026
5	Pembayaran Kelima	20%	Setelah penyerahan Laporan Akhir (rujuk 9.1.3) serta penilaian keberkesanan yang telah diperakukan.	November- Disember 2027

11.2. Walau bagaimanapun, pembida adalah dialu-alukan untuk mengemukakan cadangan struktur pembayaran alternatif sekiranya ia dirasakan lebih sesuai dan praktikal dengan pelaksanaan cadangan.

Sebarang cadangan alternatif **hendaklah dikemukakan secara jelas dan terperinci (rujuk 8.2.4.2)**. Rasional bagi struktur pembayaran yang dicadangkan perlu disertakan untuk pertimbangan PKB. PKB berhak untuk menerima, menolak atau menyesuaikan struktur pembayaran yang dicadangkan oleh pembida berdasarkan justifikasi dan kepentingan operasi projek.

12. PENILAIAN TEKNIKAL & PEMARKAHAN

- 12.1. Pemilihan firma akan dilaksanakan melalui penilaian dua peringkat yang menilai keupayaan teknikal dan tawaran kewangan secara seimbang. Kaedah penilaian yang digunakan adalah seperti berikut:

PENILAIAN	PERATUS
PENILAIAN TEKNIKAL <ul style="list-style-type: none"> • Pengalaman & Portfolio Syarikat (20%) • Kepakaran & Kualifikasi Pasukan (20%) • Pemahaman Terhadap Skop & Keperluan PKB (30%) • Pemahaman Skop & Isu PKB (20%) • Nilai Tambah & Inovasi (10%) 	70%
PENILAIAN KEWANGAN	30%

13. PENGHANTARAN SEBUT HARGA

- 13.1. Tarikh Tutup Permohonan: **13 November 2025 (Khamis), 3.00 Petang**
- 13.2. Sebutharga lengkap hendaklah dihantar melalui emel kepada perolehan@kotabuku.my dan salinan fizikal **PERLU** dihantar ke peti tender PKB di alamat seperti berikut:

<p style="text-align: center;">PERBADANAN KOTA BUKU Aras Bawah, Blok 2250, Jalan Usahawan 1, CoPlace 6, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.</p> <p style="text-align: center;">(u.p: Unit Perolehan, Bahagian Tadir Urus, Pentadbiran dan Sumber Manusia) E-mel: perolehan@kotabuku.my</p>
--

14. LAIN-LAIN

- 14.1. Hanya pembekal yang disenarai pendek akan dihubungi untuk sesi pembentangan lanjut (jika perlu).
- 14.2. PKB tidak terikat untuk menerima sebarang sebutharga yang diterima.
- 14.3. Sebarang pertanyaan berhubung notis pelawaan ini boleh dikemukakan melalui e-mel perolehan@kotabuku.my. PKB mengalu-alukan penyertaan syarikat yang berkecenderungan bagi menjayakan inisiatif pemasaran dan penjenamaan ini.

Tamat.